

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BIDANGKUASA RAYUAN)

RAYUAN SIVIL NO. WA - 12ANCvC - 135 - 08/2017

ANTARA

FAHRI AZZAT (NO. K/P [REDACTED])

...PERAYU

DAN

1. YTL COMMUNICATIONS SDN BHD (SYARIKAT NO. 793634-V)

2. YTL DIGITAL SDN BHD (SYARIKAT NO. 236882-K)

(Kedua-dua Responden juga dikenali sebagai YES) ...RESPONDEN-RESPONDEN

MEMORANDUM RAYUAN

Perayu, **FAHRI AZZAT** merayu kepada Mahkamah Tinggi terhadap keseluruhan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen, Tuan Mohd Zulbahrin bin Zainuddin yang diberikan pada 17 Ogos 2017 atas alasan-alasan berikut:

1. Dalam menentukan tindakan di hadapannya, Hakim Mahkamah Sesyen yang terpelajar tidak mendasarkan proses penentuan keputusannya kepada soalan atau isu yang betul, iaitu, sama ada Klausa 11(b) Kontrak bentuk standard bertarikh 16.9.2015 di antara Perayu dan Responden Pertama (**'Kontrak tersebut'**) adalah terma tidak adil dalam maksud Seksyen 24D Akta Perlindungan Pengguna 1999 (**'Akta tersebut'**).
2. Hakim Mahkamah Sesyen yang terpelajar terkhilaf dalam tafsirannya dan aplikasi Akta tersebut, secara khususnya Seksyen 24D.
3. Berdasarkan keterangan di hadapan Hakim Mahkamah yang terpelajar, keputusan tersebut adalah tidak munasabah atau tidak rasional kerana:

3.1 ia gagal untuk mengambil kira, atau tidak memberi atau kekurangan weight, kepada pertimbangan relevan, seperti:

3.1.1 bahawa Perayu adalah seorang “pengguna”, Responden Pertama adalah “pembekal”, dan Kontrak tersebut adalah “kontrak berbentuk standard” dalam maksud Akta tersebut.

3.1.2 ketidakseimbangan penting dalam hak dan kewajipan pihak-pihak yang timbul di bawah Klausula 11(b) Kontrak tersebut untuk merugikan Perayu atau “pengguna” lain di bawah Kontrak berbentuk standard yang sama yang ingin menamatkan, atau ditamatkan, yang sama, seperti perkara-perkara,:

- a) pelanggaran jaminan tersirat (*implied guarantees*) oleh Responden Pertama;
- b) ketersediaan perkhidmatan yang serupa dengan sifat dan kualiti yang lebih baik oleh pesaing-pesaing Responden Pertama; dan
- c) keadaan-keadaan peribadi atau melegakan.

3.1.3 bahawa Klausula 11(b) Kontrak tersebut adalah tidak adil yang substansial contohnya seperti ia adalah kasar (*harsh*), jika tidak menindas (*oppressive*), terutamanya bahawa:

- a) ia tidak semestinya perlu memberi perlindungan untuk kepentingan sah Responden Pertama;
- b) Kontrak tersebut adalah dalam bentuk standard;
- c) ia adalah bertentangan dengan standard-standard munasabah dalam urusan adil (*fair dealing*);

d) ia telah menyebabkan suatu pertukaran nilai kewangan yang tidak seimbang atau ketidakadilan substantif antara pihak-pihak; dan

e) ia mengenakan penalti yang tidak seimbang dengan akibat pelanggaran Kontrak tersebut.

3.2 ia mengambil kira, atau memberi berat yang tidak seimbang, kepada pertimbangan yang tidak relevan, antara sama lain,:

3.2.1 pekerjaan Perayu;

3.2.2 bahawa Perayu telah menandatangani Kontrak tersebut; dan

3.2.3 peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau polisi-polisi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

3.3 tindakan itu tidak didengar dan diputuskan menurut peruntukan-peruntuakan Akta tersebut dan, dalam hal kekaburan, niat Parlimen tersebut.

4. Hakim Mahkamah Sesyen yang terpelajar telah terkhilaf dalam penghargaannya terhadap fakta-fakta dan salah faham undang-undang serta prinsip undang-undang yang terpakai.

Bertarikh 15 November 2017.


.....
Peguamcara Perayu
Tetuan Fahri & Co.

MEMORANDUM RAYUAN ini telah difailkan oleh peguamcara Perayu, Tetuan Fahri & Co. yang mempunyai alamat penyampaian di No. 15-2, Jalan PJU 7/16A, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor.

[T: 03-77330055 | F: 03-77330022 | E: office@fahri-co.com | R: 69.1 – AN]

